

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(B)42**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

42. Memandangkan Majlis Bandaraya Seberang Perai telah menerima peruntukan MARRIS sebanyak RM131.6 juta pada tahun 2024, namun menurun kepada RM99.2 juta pada tahun 2025, apakah faktor utama pengurangan peruntukan MARRIS kepada MBSP bagi tahun 2025?
- (a) Apakah kesannya terhadap kerja-kerja penyelenggaraan jalan, longkang serta kemudahan awam di kawasan Seberang Perai?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

42. Formula agihan peruntukan MARRIS adalah berdasarkan jumlah terimaan daripada Kementerian Kewangan (MOF) pada tahun berkenaan. Bagi tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menerima sebanyak RM221 juta daripada MOF. Daripada jumlah tersebut, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima peruntukan sebanyak RM136.7 juta bagi tujuan penyelenggaraan jalan negeri. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa MARRIS Negeri perlu juga mengambil kira purata

terimaan tahunan daripada MOF serta keperluan agihan peruntukan MARRIS kepada 13 Jabatan lain seperti Pejabat Daerah, JKR dan JPS yang turut memerlukan peruntukan MARRIS.

- (a) Jawatankuasa MARRIS Negeri mengambil maklum mengenai kesan pengurangan agihan peruntukan MARRIS kepada MBSP bagi tahun 2025. Oleh itu, satu mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh H'ng Mooi Lye, EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa telah diadakan pada 17 Jun 2025. Mesyuarat telah bersetuju supaya peruntukan tambahan sebanyak RM8 juta disalurkan kepada MBSP ke atas peruntukan sedia ada bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan rutin melibatkan jalan, longkang serta kemudahan awam yang termasuk dalam skop MARRIS dapat diteruskan seperti sedia kala. Pihak MBSP bersetuju dengan keputusan tersebut dan telah melaksanakan tindakan penyelarasan kerja dengan sewajarnya.